

Kuasa politik, ekonomi boleh hancur: PM

31 JUN 1994

P

KUALA LUMPUR, Ahad - Umno berkead membanteras gejala politik wang yang mula berleluasa sejak pemilihan 1987 kerana ia boleh menghancurkan kuasa politik Bumiputera, mengugat ekonomi serta kemakmuran negara yang dibina selama ini.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata jika ahli Umno gagal membendung gejala itu, negara akan mundur dan besar kemungkinan dijajah semula, dihina dan ditindas.

"Segala nikmat dan kemakmuran yang dinikmati sekarang akan hilang dan kita, terutama orang Melayu dan Bumiputera lain, akan kembali menjadi bangsa yang dihina, ditindas dan dipermainkan-mainkan," katanya dalam ucapan 40 minit di Perhimpunan Agung Khas Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Menurutnya, persoalan sama ada Umno terus memerintah hingga 2020, Malaysia dihormati dan dimuliakan serta berdiri tinggi di kalangan bangsa lain di dunia bergantung kepada pembasmian politik wang dalam Umno.

Sehubungan itu, Dr Mahathir yang juga Perdana Menteri meminta ahli Umno menolak dan membendung gejala itu agar ia tidak berkembang serta menjadi sebahagian daripada budaya masyarakat.

"Apabila ia menjadi budaya, ia tidak boleh dihapuskan lagi. Ini kerana semua tempat mengadu, semua pihak yang ditugaskan membanteras rasuah, pendakwa dan hakim semuanya terdiri daripada pengamal ra-

suah secara terbuka," katanya.

Menurutnya, ahli Umno perlu ikhlas berikrar untuk mematuhi pindaan perlembagaan membanteras politik wang dan rasuah hari ini, di samping mengamalkan nilai mulia dan menjayakan penguatkuasaan undang-undang.

Seramai 1,761 perwakilan Umno menghadiri Perhimpunan Agung Khas ini untuk membincang dan

membahaskan gejala politik wang dan penyalahgunaan kuasa yang banyak diperkatakan pada Perhimpunan Agung Umno, November lalu.

Dr Mahathir berkata, politik wang, sifat tamak dan tidak bertanggungjawab di kalangan sesetengah orang Melayu dan Bumiputera disebabkan kekayaan yang mereka miliki.

"Mereka bukan saja mahukan kekayaan tetapi juga jawatan dan kuasa bagi diri mereka atau bagi orang yang boleh dipermainkan-mainkan oleh mereka," katanya ketika berucap di Perhimpunan Agung Khas Umno di sini, hari ini.

Menurutnya, masalah ini menjadi-jadi kerana Umno berkuasa, kerana orang Melayu dan Bumiputera lain berkuasa. "Kuasa boleh membawa rasuah. *Power corrupts and absolute power corrupts absolutely*. Kuasa yang mutlak membawa rasuah yang tidak terbatas," katanya.

Dr Mahathir berkata, kombinasi wang ringgit orang Melayu dan Bumiputera dengan kuasa yang mereka miliki sekarang telah membentuk peribadi yang semakin merosot dar segi moral.

"Hanya dengan memiliki kuasa memberi satu undi saja pun sudah menjadikan kita begitu tidak bertanggungjawab sehingga sanggup mengabaikan maruah, parti dan bangsa kita. Apatah lagi jika kita mempunyai lebih daripada hanya kuasa undi," katanya.

Perdana Menteri berkata: "Sistem

LIHAT MUKA 2

Kuasa politik, ekonomi akan hancur: PM

DARI MUKA 1

undi dan sistem demokrasi bertujuan untuk memelihara tiap seorang daripada kita daripada kebinaasaan. Melalui undi kita boleh menentukan nasib kita dan nasib negara kita.

"Undi adalah modal besar untuk mereka yang tidak mempunyai sebarang kekayaan. Ia menyamakan yang miskin dengan yang kaya dan yang lemah dengan yang kuat. Tetapi seperti juga dengan modal yang lain, ia boleh disalah gunakan dan membawa bencana kepada diri sendiri dan masyarakat," katanya.

Menurutnya, apabila ada orang yang sanggup membeli undi dan menjual diri menjadi pemim-

pin, maka yang layak dan berkemampuan tidak dipilih sebaliknya individu yang menyogok wang atau hadiah dilantik sebagai pemimpin.

"Yang akan diutamakan bukanlah perjuangan agama, bangsa dan tanah air. Yang akan diutamakan ialah diri sendiri, pengekalan diri sebagai pemegang jawatan dan pengumpulan harta kekayaan bagi dirinya.

"Jika kita terima politik wang dalam parti, jika rasuah menjadi budaya parti Umno, jika pemimpin kita mendapat tempat melalui sogokan, kita akan memperoleh kerajaan yang dipenuhi, dianggotai dan dipimpin oleh penjenayah rasuah."